

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 Disember 2001

SOALAN

YB Datuk Christine Tibok- Vanhouten minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan :- (a) tentang perancangan tenaga pekerja Kementeriannya dan pengisian jawatan-jawatan yang penting dalam peringkat Kementerian dan juga jabatan-jabatan; dan (b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan unit-unit Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di semua Bandar raya dan Daerah-daerah di Malaysia.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kementerian baru yang usianya belum setahun ini ditubuhkan sebaik sahaja pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001. Mulai 1 Mac 2001 Kementerian telah diperuntukkan sejumlah 45 jawatan. Pada 1 Julai 2001 sebanyak 63 jawatan tambahan lagi diluluskan. Pecahan jawatan tersebut adalah seperti berikut: Kumpulan Pengurusan dan Profesional - 43 jawatan Kumpulan Sokongan - 65 jawatan Jumlah jawatan - 108 jawatan Daripada 108 jawatan tersebut pengisiannya adalah seperti berikut: Kumpulan Pengurusan dan Profesional - 36 jawatan Kumpulan Sokongan - 26 jawatan Jumlah pengisian - 62 jawatan Dari segi perancangan tenaga kerja Kementerian bercadang untuk menambah lagi bilangan jawatan sedia ada apabila cadangan pewujudan pejabat Jabatan Pembangunan Wanita Negeri diluluskan oleh agensi pusat kelak dan jika ada keperluan yang wajar. Di samping itu Kementerian ini sentiasa peka dengan keperluan tenaga kerja ekoran dari beban kerja yang bertambah dan sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi pusat untuk memastikan masalah perjawatan dan pengisian diatasi segera. (b) Pada masa ini Kementerian belum lagi bercadang untuk menubuhkan unit di semua bandar raya, daerah di negeri-negeri. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mewujudkan pejabat Jabatan Pembangunan Wanita di setiap negeri. Perkara ini sekarang dalam tindakan JPA. Selain dari itu, buat masa ini, Kementerian telah mempunyai pejabat cawangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang banyak terlibat dalam pelaksanaan program-program kekeluargaan. MAKLUMAT TAMBAHAN Kedudukan Perjawatan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga: 1. Kementerian Bil. Jwtn. Diisi Kosong a) Pengurusan & Profesional 26 24 2 b) Sokongan 41 12 29 JUMLAH 67 12 31 2. Jabatan Pembangunan Wanita a) Pengurusan & Profesional 17 12 5 b) Sokongan 24 14 10 JUMLAH 41 26 15 3. Jumlah keseluruhan jawatan 108 KPWK Jumlah jawatan P& P 43 Jumlah jawatan Sokongan 65

